

# **BHP**

## **Kod Kami**

### **Senario hipotesis**

**BHP mengakui dan memberi penghormatan kepada Penjaga Tradisional tanah dan laluan air di mana, atau berhampiran, syarikat kami berada dan beroperasi. Kami memberi penghormatan kepada Ketua-ketua yang lalu, kini dan akan datang.**

# Kandungan

<b>1. Saling beri perhatian antara satu sama lain</b>	<b>2-4</b>	<b>4. Lindungi syarikat kami</b>	<b>15-17</b>
Tempat kerja yang sihat dan selamat	3	Lindungi aset kami	16
Menghormati semua orang	3	Lindungi teknologi, sistem dan data kami	17
		Lindungi harta intelek kami	17
<b>2. Menjaga orang dan planet kita</b>	<b>5-8</b>	<b>5. Lindungi dan hormati maklumat</b>	<b>18-22</b>
Menghormati hak asasi manusia	6	Berkomunikasi secara konsisten dan benar	19
Menyokong komuniti kami	7	Hormati maklumat peribadi dan privasi	19
Bertanggungjawab terhadap alam sekitar	7	Laporkan dengan jujur	20
		Jangan terlibat dalam perdagangan orang dalam	21
<b>3. Bekerja dengan integriti</b>	<b>9-14</b>		
Merangsang hubungan yang terbuka dan membina dengan pemerintah	10		
Menguruskan risiko rasuah	11		
Hargai hubungan dengan pembekal	12		
Elakkan konflik kepentingan	13		
Menguruskan risiko undang-undang persaingan	13		
Hormati undang-undang kawalan perdagangan	14		



Untuk melihat *Kod Kami*, imbas kod QR atau klik pada pautan di bawah:



<https://www.bhp.com/about/operating-ethically/code-of-conduct>

# 1. Saling beri perhatian antara satu sama lain.

Keutamaan kami adalah untuk menyediakan tempat kerja yang sihat, selamat, inklusif di mana semua orang dilayan dengan hormat.



Senario Hipotesis Kod Kami

# Senario Hipotesis Kod Kami

## 1. Saling beri perhatian antara satu sama lain.

### Tempat kerja yang sihat dan selamat

**Q:** Saya diminta untuk menyelesaikan tugas penyelenggaraan sebelum penghujung hari ini. Ini penting untuk memastikan sasaran pengeluaran harian kami dipenuhi. Tugas itu mempunyai arahan kerja yang memerlukan peralatan yang khusus untuk digunakan semasa menjalankan tugas tersebut namun alat itu tidak sedia ada dan penyelia saya telah memberitahu saya untuk menyelesaikan tugas tersebut. Apa yang patut saya lakukan?

**A:** Semua prosedur keselamatan kita adalah wajib dan tiada kompromi. Jangan mulakan tugas sehingga sistem kerja yang selamat diwujudkan dan anda mempunyai akses kepada peralatan dan perkakas yang sesuai. Jika anda tidak dapat menyelesaikan perkara ini dengan penyelia anda, hubungi ketua 2Up anda atau pihak Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar.

**Q:** Baru-baru ini saya telah didiagnosis dengan penyakit dan doktor saya telah mencadangkan ubat untuk mengatasi keadaan ini. Adakah saya perlu mengisyiharkan ubat tersebut?

**A:** Kami mahu anda pulang ke rumah dengan selamat dan sihat setiap hari dan adalah penting anda tidak bekerja melainkan anda sihat, kerana keadaan perubatan anda atau penggunaan ubat-ubatan. Hubungi penyelia anda, jika anda mempunyai sebarang keimbangan tentang kecergasan kerja atau keupayaan rakan sekerja anda untuk menjalankan kerja yang ditugaskan dengan selamat. Persyaratan khusus untuk mengisyiharkan ubat digariskan di dalam prosedur tempatan. Jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai keperluan atau prosedur tempatan, berbincanglah dengan penyelia atau rakan kongsi perniagaan HSE anda.



### Menghormati semua orang

**Q:** Salah seorang rakan sekerja saya telah mengajak saya keluar untuk bertemu janji berulang kali. Saya sudah menyatakan yang saya tidak berminat dan sekaran tingkah lakunya membuat saya berasa tidak selesa. Dia menggunakan bahasa seksual yang tidak wajar dan mengejek saya di hadapan orang lain di dalam mesyuarat. Rakan sekerja saya hanya ketawa dan bila diberitahu rakan yang lain, dia menyatakan saya bertindak balas secara berlebihan dan terlalu sensitif. Apa yang patut saya lakukan?

**A:** Ini adalah gangguan seksual dan ianya tidak akan diterima. Jika anda selesa, anda perlu berbincang secara terbuka dengan rakan sekerja anda mengenai tingkah laku tersebut. Jika tidak, mulakan perbincangan dengan penyelia anda, ketua 2Up, penasihat Perhubungan Pekerja, rakan kongsi perniagaan Sumber Manusia, Perkhidmatan Sokongan Etika atau hubungi EthicsPoint. Anda juga boleh bercakap dengan rakan atau individu yang anda percayai untuk mendapatkan sokongan.

# Senario Hipotesis Kod Kami

diteruskan

## 1. Saling beri perhatian antara satu sama lain.



**Q:** Dalam perbincangan prestasi, ketua saya membangkitkan tarikh akhir yang saya gagal tepati. Saya tidak menyebutkannya kerana saya malu mengenainya jadi apabila dia menimbulkannya, saya berasa tidak selesa. Dia juga membangkitkan suatu pelanggaran keselamatan kecil yang sudah dibincangkan. Bukankah ini tingkah laku pembuli?

**A:** Perbincangan prestasi yang merupakan tindakan pengurusan yang munasabah yang dijalankan dengan cara yang munasabah tidak akan dianggap sebagai aksi buli. Para pemimpin kita diberi kuasa untuk meningkatkan prestasi pasukan mereka, termasuk dengan menetapkan piawaian prestasi dan megekalkan pekerja mengikut piawaian tersebut melalui bimbingan dan maklum balas secara hormat dan membina. Jika peraturan keselamatan (atau peruntukan Kod Kami) dilanggar, pemimpin berhak untuk memberikan maklum balas yang tegas, jelas dan munasabah. Dalam konteks perbincangan prestasi, ia mungkin melampaui batas dan menjadi pembuli jika pemimpin memberikan maklum balas dengan menjerit, menyumpah dan

menggunakan bahasa yang menghina. Sikap sebegini tidak boleh diterima.

**Q:** Saya seorang pelatih kontraktor penyelenggaraan dan jurulatih untuk krew saya memberi sokongan yang padu, tetapi sekarang jurulatih tersebut memberi saya perhatian yang lebih daripada krew yang lain. Pada suatu malam selepas satu majlis di pejabat, mereka meminta saya untuk pulang ke tempat kediaman mereka. Saya berasa sangat tidak selesa, takut kehilangan kerja saya dan tidak pasti apa yang perlu dilakukan kerana saya baru sahaja melalui program latihan saya separuh jalan.

**A:** Jurulatih tidak boleh mencuba dan memulakan hubungan romantis atau intim dengan mana-mana pelatih, memandangkan ketidakseimbangan kuasa antara anda dan jurulatih. Berbincang dengan ketua 2Up anda dengan segera atau hubungi penasihat Perhubungan Pekerja anda, Rakan Perniagaan HR, Perkhidmatan Sokongan Etika atau EthicsPoint. Anda juga boleh bercakap dengan

rakan sekerja atau seseorang yang anda percayai untuk mendapatkan sokongan dalam organisasi.

**Q:** Seorang ahli pasukan yang saya pimpin adalah gay dan berkongsi bilik pertukaran pakaian dengan lelaki lain. Saya memberitahunnya saya tidak berasa selesa tentang perkara ini dan memintanya untuk menunggu sehingga semua orang lain telah meninggalkan bilik persalinan sebelum memasuki bilik. Beliau berkata ini adalah buli, tetapi saya mahu seluruh pasukan berasa selamat. Apa yang patut saya lakukan?

**A:** Kami bangga sebagai tempat kerja yang inklusif dan pelbagai di mana setiap orang berasa selamat dan selesa menjadi diri mereka sendiri. Jadi, adalah salah untuk mengecualikan ahli pasukan anda daripada bilik ganti kerana orientasi seksual mereka atau untuk memperkuuhkan budaya homofobia dalam pasukan. Ia tidak menghormati, mendiskriminasi dan pencerobohan yang jelas terhadap Kod Kami. Adalah menjadi kewajipan kita semua – dan terutamanya dalam peranan anda sebagai pemimpin – untuk memastikan tempat kerja selamat untuk semua orang tanpa mengira jantina, orientasi seksual, latar belakang budaya atau banyak aspek lain yang merangkumi organisasi kita yang berbilang kaum. Walaupun ramai pekerja dan kontraktor kami menghadapi cabaran yang anda mungkin tidak faham, sebagai seorang pemimpin anda diharapkan untuk menjadi contoh kepada inklusiviti, empati dan rasa hormat. Untuk meningkatkan pemahaman anda dan meningkatkan kesedaran tentang penyertaan LGBT dalam pasukan, baca **Panduan LGBT+ Bahasa Inklusif kami**, serta salah satu kursus kesedaran penyertaan LGBT kami atau hubungi **Jasper**, rangkaian pekerja sekutu LGBT+ kami untuk mendapatkan nasihat.

## 2. Menjaga manusia dan planet

Kita semua mempunyai peranan dalam menghormati hak asasi manusia, menyokong komuniti kita dan menunjukkan tanggungjawab terhadap alam sekitar. Ia adalah sebahagian daripada komitmen kami untuk mewujudkan nilai sosial yang berkekalan untuk manusia, planet dan kemakmuran.



# Senario Hipotesis Kod Kami

diteruskan

## 2. Menjaga manusia dan planet kita

### Hormati hak asasi manusia

**Q:** Saya sedar bahawa komuniti Penduduk Asli tempatan mempunyai hubungan yang kuat dengan bumi tempat kami beroperasi, tetapi saya tidak pasti sama ada terdapat sebarang penglibatan aktif untuk memastikan tapak penting mereka dikenal pasti dan diuruskan dengan berkesan. Saya membangkitkan perkara ini dengan pasukan saya dan mereka tidak tahu sama ada sebarang penglibatan yang berlaku. Apa yang patut saya lakukan?

**A:** Pembabitan dengan pemilik tradisional tanah dan menguruskan hal-hal warisan budaya adalah sebahagian daripada perniagaan kami. Semua aset kita mesti melaksanakan rangka kerja untuk mengenal pasti, mendokumentasikan dan menguruskan aspek kepentingan budaya. BHP bekerja untuk mendapatkan persetujuan masyarakat Orang Asli untuk projek yang terletak di atas tanah yang dimiliki secara tradisional oleh atau di bawah penggunaan adat masyarakat Orang Asli dan berkemungkinan mempunyai kesan buruk yang ketara terhadap masyarakat Orang Asli. Jika anda tidak pasti sama ada keperluan ini dipenuhi atau jika anda mempunyai sebarang kekhawatiran, beritahu penyelia anda atau ketua 2Up, gunakan proses aduan dan aduan tempatan atau hubungi EthicsPoint.

**Q:** Saya telah melihat laporan media baru-baru ini bahawa salah satu pembekal BHP telah dituduh menggunakan buruh paksa dalam pengeluaran produknya. Saya tidak tahu jika BHP membeli produk-produk tersebut atau sama ada BHP mempunyai sebarang kewajipan untuk membuat siasatan susulan terhadap laporan-laporan ini. Apa yang patut saya lakukan?



**A:** Menghormati hak asasi manusia adalah salah satu prinsip asas untuk menyumbang nilai sosial yang bermakna kepada masyarakat dan kami mengharapkan organisasi-organisasi yang bekerjasama dengan kami juga memenuhi komitmen ini. Sebarang keimbangan tentang perhambaan moden dalam operasi atau rantai bekalan kami mesti segera diajukan kepada penyelia anda atau ketua 2Up atau melalui EthicsPoint. Ini akan

membolehkan BHP menyiasat laporan media dan jika perlu, menjalankan usaha wajar selanjutnya selaras dengan program Rantaian Bekalan dan Ketulusan Etika kami. Kami kemudiannya boleh meminta maklumat lanjut daripada pembekal dan, jika sesuai, memulakan pelan pembangunan pembekal untuk menutup jurang dalam amalan perhambaan pembekal moden.

# Senario Hipotesis Kod Kami

diteruskan

## 2. Menjaga manusia dan planet kita



### Menyokong komuniti kita

**Q:** Saya bekerja dalam pasukan Bekalan dan sedang meneliti skop kerja di mana salah seorang pemegang tender adalah perniagaan Orang Asli. Saya tahu kita akan memulakan rundingan yang berkaitan dengan warisan dan akses tanah dalam masa terdekat. Adakah wajar untuk menganugerahkan kerja ini kepada perniagaan tersebut?

**A:** Menyediakan peluang pemerkasaan ekonomi kepada perniagaan pemilik Orang Asli dan tradisional adalah keutamaan bagi BHP di bawah **Strategi Orang Asli** kami, dan cara penting untuk memastikan operasi kami memberikan manfaat bersama kepada komuniti di mana kami beroperasi. Oleh kerana kami sedang memulakan perbincangan mengenai warisan dan akses tanah, anda perlu berbincang dengan pasukan Pematuhan untuk menilai sebarang hubungan sebenar atau yang dirasakan antara rundingan warisan akan datang dan skop kerja yang berkaitan dengan kontrak yang kami ingin berikan. Jika peluang kontrak tidak

diteruskan, ia mungkin perlu untuk meletakkan langkah-langkah yang memastikan bahawa sebarang konflik yang dirasakan atau manfaat yang tidak wajar kepada kumpulan diuruskan dengan sewajarnya.

**Q:** Seorang ahli komuniti berkata bahawa mereka tidak berpuas hati dengan tahap bunyi bising dari operasi kami pada waktu malam. Bagaimana saya memberi jawapan kepada mereka?

**A:** Memahami kebimbangan masyarakat di negara tuan rumah adalah penting. Keprihatinan masyarakat dibangkitkan dalam pelbagai forum yang berbeza dan pasukan kami harus bertindak balas sewajarnya apabila ia timbul. Semua operasi kami dikehendaki mempunyai mekanisme tempatan untuk merekodkan aduan dan rungutan dan untuk menangani perkara ini dengan cara yang tepat pada masanya dan berkesan. Dalam hal ini anda harus mengakui kebimbangan dan mengarahkan ahli komuniti kepada wakil Komuniti operasi anda yang boleh bertindak balas. Sebagai alternatif, kumpulkan

maklumat yang diperlukan daripada ahli komuniti mengikut mekanisme aduan dan keluhan untuk Aset.

### Bertanggungjawab terhadap alam sekitar

**Q:** Sisa buangan kita dilupuskan di tapak luaran dengan kemudahan pembuangan sisa berlesen yang diaudit oleh pengawal selia kami. Adakah saya juga harus mengkaji prestasi mereka?

**A:** Ya, anda harus mengkaji prestasi semua pembekal untuk memastikan mereka mengurus prestasi alam sekitar dengan sewajarnya. Kesan persekitaran langsung, tidak langsung dan kumulatif, dan risiko serta kawalan yang berkaitan perlu dinilai oleh BHP. Ini termasuk kesan alam sekitar yang dikaitkan dengan aktiviti operasi langsung kami, kesan daripada orang lain akibat daripada kegiatan yang bergantung kepada operasi kami dan kesan dari orang lain yang dapat meningkatkan keterukan impak kita sendiri.

# Senario Hipotesis Kod Kami

diteruskan

## 2. Menjaga manusia dan planet kita

**Q:** Apabila hujan, saya perhatikan limpahan air dari premis tapak ke sungai yang berdekatan. Apa yang patut saya lakukan?

**A:** Anda harus melaporkan isu tersebut sebagai insiden, dapatkan nasihat dari kakitangan persekitaran tapak anda dan pastikan pihak operasi menyedari masalah itu. Siasatan perlu dilakukan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang potensi kesan dari limpahan ke sungai atau alam sekitar yang berhampiran. Melaporkan isu itu sebagai satu insiden juga akan memastikan mana-mana agensi kawal selia diberitahu, jika sesuai analisis insiden tersebut, penyebab utama, tindakan pencegahan dan pembelajaran dapat disebarluaskan, dan sebarang tindakan pembetulan yang diperlukan boleh dianjurkan.

**Q:** Saya perasan cara kita melakukan kerja kami mempunyai potensi untuk pelepasan habuk dan kesan alam sekitar yang lain. Saya rasa ada cara yang lebih baik untuk melakukannya yang boleh menyebabkan pelepasan yang lebih rendah. Apa yang patut saya lakukan?

**A:** Kami sentiasa berusaha untuk meminimumkan kesan alam sekitar yang buruk dan memaksimumkan peluang untuk hasil alam sekitar yang positif daripada aktiviti kami, jadi kemukakan cadangan anda dengan penyelia atau ketua 2Up anda. Anda juga boleh menyemak dengan pasukan alam sekitar tapak ini bahawa cadangan anda selaras dengan permit kawal selia.



### 3. Beroperasi dengan Integriti

Kami mengambil berat tentang bagaimana keputusan dicapai seperti yang kami lakukan terhadap keputusan itu sendiri.



# Senario Hipotesis Kod Kami

diteruskan

## 3. Beroperasi dengan Integriti


### Merangsang hubungan pemerintah yang terbuka dan membina

**Q:** Saya berada di acara sosial yang dihoskan oleh parti politik dan orang ramai bertanya kepada saya apa kedudukan BHP mengenai perubahan iklim. Apa yang patut saya lakukan?

**A:** Rujuk mereka ke laman web kami untuk maklumat terperinci mengenai dasar perubahan iklim kami. Jika anda mempunyai pandangan peribadi mengenai perubahan iklim, atau sebarang polisi awam, anda bebas untuk menyuarakan pendapat anda - tetapi penting untuk memastikan bahawa anda menyatakan ia adalah pendapat peribadi anda.

**Q:** Saya telah dijemput oleh sebuah parti politik untuk hadir ke sebuah majlis untuk berbincang perkara-perkara polisi yang berkaitan dengan sektor sumber dalam sebuah forum terbuka dan telus yang dihoskan oleh pegawai-pegawai dipilih. Harga tiket tersebut ialah US\$260. Saya tahu pesaing kami akan diwakili dalam acara itu. Bolehkah saya hadir dan jika boleh, perlukah saya mendapatkan kelulusan dari sesiapa?

**A:** Anda perlu sentiasa mendapatkan kelulusan di bawah piawaian **Keperluan Kami untuk Tingkah Laku Perniagaan** sebelum menerima jemputan seperti ini. Penyelia anda seharusnya membuat pertimbangan sama ada kos tiket tersebut boleh dilihat sebagai penjanaan dana politik. Anda juga seharusnya berunding dengan Hal Ehwal Korporat untuk memastikan bahawa tiada konflik kepentingan yang mungkin anda atau penyelia anda tidak menyadarinya dan pastikan anda sudah melengkapi kursus undang-undang persaingan dalam tempoh 15 bulan yang lepas.



**Q:** Saya sedang mempertimbangkan untuk mencalonkan diri untuk jawatan terpilih di majlis perbandaran tempatan saya. Jawatan itu hanya sambilan dan tidak dibayar, dan saya tidak nampak ia bercanggah dengan tugas saya di BHP. Apakah yang perlu saya lakukan untuk menentukan sama ada saya boleh mengekalkan pekerjaan saya di BHP semasa saya memegang peranan sebagai pegawai yang dipilih dalam jawatan awam? Jika saya perlu meletakkan jawatan dari perkhidmatan awam di kemudian hari, bolehkah saya mendapatkan semula bekas jawatan saya di BHP?

**A:** Memegang peranan pejabat awam pada masa yang sama sebagai pekerja BHP boleh menyebabkan konflik antara tugas anda sebagai pekerja BHP dan tugas anda sebagai penjawat awam. Bincangkan niat anda dengan ketua barisan anda dan ketua 2Up sebelum bertanding jawatan awam dan dapatkan kelulusan melalui daftar

Konflik Kepentingan. Dalam sesetengah keadaan, mungkin anda boleh memegang peranan sambilan yang tidak dibayar sebagai pegawai awam jika tidak ada potensi pertindihan antara peranan dan perniagaan BHP, dan ia tidak akan menjelaskan keupayaan anda untuk melaksanakan peranan BHP anda dengan selamat (termasuk pertimbangan mengenai pengurusan kepentingan). Walau bagaimanapun, jika memegang sebarang peranan pejabat awam (sambilan atau sepuh masa) akan mewujudkan konflik kepentingan sama ada sebenar, berpotensi atau berkemungkinan tidak dapat diuruskan pada tahap kepuasan BHP maka anda mungkin perlu mengundurkan diri daripada jawatan BHP anda sebelum memulakan jawatan pejabat awam. Jika anda kemudian meninggalkan jawatan awam dan ingin memohon untuk menyertai semula BHP, anda mungkin boleh berbuat demikian, tetapi jawatan BHP terdahulu anda mungkin tidak lagi terbuka.

# Senario Hipotesis Kod Kami

diteruskan

## 3. Beroperasi dengan integriti


### Menguruskan risiko rasuah

**Q:** Saya baru tiba di sebuah bandar atas tugas. Terdapat sebuah persatuan perniagaan yang mempunyai akses yang baik kepada pegawai tempatan dan saya telah mendapat kelulusan untuk menyertai persatuan itu. Mereka kini telah bertanya sama ada BHP boleh menaja meja pada majlis makan malam tahunan mereka pada harga \$1,000 bagi setiap kepala. Persatuan itu akan menggunakan keuntungan dari acara itu untuk membayai acara golf tahunan mereka untuk pegawai-pegawai tempatan. Apa yang patut saya lakukan?

**A:** Seperti yang dinyatakan oleh persatuan, dana tersebut akan digunakan untuk acara golf – yang merupakan sesuatu yang bernilai bagi pegawai tempatan – prakelulusan diperlukan di bawah piawaian **Keperluan Kami untuk Kelakuan Perniagaan**. Pasukan Pematuhan kami boleh menasihatkan anda tentang pengaturan yang sesuai.

**Q:** Saya sering berbincang dengan pegawai pemerintah yang bertanggungjawab membuat keputusan yang akan melibatkan BHP. Beliau memberitahu saya bahawa anaknya baru-baru ini menamatkan pengajian dengan penghormatan kelas pertama dari universiti di lokasi di mana BHP mempunyai pejabat untuk mencari pekerjaan supaya dia boleh tinggal di negara ini. Pegawai itu telah bertanya sama ada BHP mempunyai kerja kosong dan sama ada saya boleh melakukan sesuatu untuk membantu anaknya.

**A:** Pekerjaan adalah sesuatu yang bernilai dan anaknya adalah saudara terdekat pegawai pemerintah yang berpengaruh. Memandangkan pegawai pemerintah ini sedang membuat keputusan yang akan memberi kesan kepada BHP, ia mungkin menjadi pelanggaran undang-undang anti-rasuah. Anak pegawai pemerintah tersebut boleh memohon pekerjaan yang diiklankan dan



permohonannya akan dinilai berdasarkan meritnya dengan cara yang sama seperti permohonan pekerjaan lain. Untuk panduan lanjut, hubungi pasukan Etika dan Pematuhan kami.

**Q:** Pembekal yang selalu bekerjasama dengan saya menawarkan untuk menghantar saya ke kursus tiga hari di pusat pendidikan mereka mengenai topik yang berkaitan dengan peranan saya. Saya ingin hadir kerana saya fikir ia akan memberi manfaat kepada BHP, membantu saya terus mengikuti trend dalam industri dan meningkatkan keupayaan saya untuk melaksanakan peranan saya. Pembekal menganjurkan kursus tanpa mengira sama ada saya hadir, dan kehadiran saya tidak akan menjadi kos tambahan kepada pembekal. Bolehkah saya menerima tawaran itu?

**A:** Jika menghadiri kursus dengan cara apa pun akan menjelaskan (atau mungkin dilihat secara munasabah oleh orang lain sebagai menjelaskan) keupayaan anda untuk melaksanakan tugas anda dengan setia kepada BHP, atau mungkin menghalang anda daripada bekerja dengan pembekal tanpa berat sebelah pada masa hadapan, anda tidak harus menerima tawaran tersebut. Jika BHP sedang dalam tender dengan pembekal yang menawarkan kursus, anda juga tidak boleh menerima tawaran tersebut. Jika tidak, anggarkan nilai kursus dan rekodkan tawaran dalam daftar Hadiah dan Hiburan Etika dan Pematuhan, dapatkan kelulusan penyelia anda untuk hadir. Jika anda diluluskan untuk hadir, tempah dan bayar sebarang perbelanjaan perjalanan mengikut garis panduan perbelanjaan perjalanan perniagaan kami.

# Senario Hipotesis Kod Kami

diteruskan

## 3. Beroperasi dengan integriti

### Hargai hubungan dengan pembekal

**Q:** Saya sedar mereka membekalkan produk mereka dari pengilang-pengilang di negara-negara membangun. Kami telah meminta butir-butir tentang kilang pembuatan mereka untuk memastikan kami mematuhi **Keperluan Minimum kami untuk Pembekal** serta mana-mana perundangan hak buruh yang berkenaan. Penjual telah menolak untuk memberikan butiran ini. Bolehkah saya meneruskan sumber pakaian kerja dari mereka?

**A:** Adalah penting bagi semua pembekal kami untuk mematuhi **Keperluan Minimum kami untuk Pembekal**. Jika pembekal enggan mendaftar untuk syarat-syarat toleransi sifar kami, kami tidak boleh melakukan perniagaan dengan mereka melainkan sekiranya pengecualian telah diberikan. Berundinglah dengan Perolehan dan pasukan Pematuhan kami untuk menyemak fakta dan menyelaraskan tindakan.

**Q:** Operasi kami telah melibatkan seorang perunding untuk membantu beberapa permit dan kelulusan

berkenaan alam sekitar. Ketua 2Up saya memilih perunding dan seringkali bekerjasama dengan mereka. Saya telah melihat invoice daripada perunding yang termasuk jumlah untuk 'pelbagai' dan perkara yang digambarkan sebagai 'bayaran khas'. Operasi kami menjangkakan kelulusan alam sekitar yang signifikan tidak lama lagi. Saya telah berbincang dengan ketua 2Up saya dan dia mengatakan bahawa ini bukannya masa yang sesuai untuk menyenggung perasaan perunding dengan bertanyakan soalan. **Dia berkata mereka melakukan kerja yang baik dan kami harus membiarkan mereka. Apa yang patut saya lakukan?**

**A:** Perkara yang tidak dapat dijelaskan atau mencurigakan pada invoice mungkin menunjukkan bahawa pembekal membuat pembayaran yang tidak wajar. Mengabaikan bendera merah seperti ini boleh menyebabkan pelanggaran undang-undang anti-rasuh dan menyebabkan kerosakan yang besar terhadap reputasi kami. Seperti yang telah anda bincangkan dengan ketua 2Up anda, anda harus bercakap dengan pasukan Pematuhan kami atau menghubungi EthicsPoint.

### Elakkan konflik kepentingan

**Q:** Isteri saya adalah rakan kongsi dalam firma perunding dalam bidang dimana BHP perlukan nasihat. Bolehkah saya mengesyorkan perniagaan mereka?

**A:** Anda boleh memberitahu pasukan terabit tentang kaitan pasangan anda kepada syarikat tersebut, walau bagaimanapun, anda harus telus sepenuhnya mengenai kecenderungan anda supaya proses Pembekalan boleh dilaksanakan secara bebas. Bincangkan cadangan dengan ketua barisan anda, pastikan butiran didaftarkan dalam daftar **Konflik Kepentingan** tersebut dan rancangan yang sesuai untuk menguruskan konflik kepentingan yang berpotensi ini disediakan.

**Q:** Kontak tetap saya daripada syarikat pembekal penting telah menjemput saya ke konsert muzik di mana syarikat mereka telah menempah sebuah bilik hospitaliti. Dia memberitahu saya bahawa dia tiada di konsert tersebut tetapi menawarkan saya tiket untuk membawa rakan atau pasangan. Patutkah saya pergi ke konsert itu?

**A:** Anda harus memastikan nilai tiket tersebut adalah sederhana dan munasabah. Anda mungkin perlu menganggarkan nilai berdasarkan harga tiket yang setara dan mempertimbangkan sama ada jemputan itu akan merangkumi sebuah pembinaan perhubungan perniagaan yang munasabah. Sekiranya kenalan anda tidak menghadiri dan ianya tidak jelas siapa yang menjadi tuan rumah anda, anda patut menolak jemputan tersebut. Penyelia anda juga harus berupaya memberi nasihat tentang kesesuaian untuk menghadiri konsert tersebut. Daftarkan tawaran ke dalam **Daftar Hadiah dan Hiburan** dan, jika berhasrat untuk menerima tawaran, semak piawaian **Keperluan Kami untuk Peraturan Perniagaan** untuk sebarang syarat pra-kelulusan.



# Senario Hipotesis Kod Kami

diteruskan

## 3. Beroperasi dengan integriti

### Urus risiko undang-undang persaingan

**Q:** Pada perhimpunan sosial, pesaing mengeluh kepada saya tentang salah satu pembekal kami. Beliau berkata: syarikatnya tidak akan menggunakan pembekal itu lagi dan mencadangkan kita melakukan hal yang sama. Kita pernah melalui pengalaman negatif yang sama, bolehkah kita bersetuju dengan cadangan pesaing?

**A:** Cadangan pesaing menimbulkan isu berpotensi sebagai boikot kolektif, dan anda tidak sepatutnya bersetuju. Dalam penglibatan dengan pesaing, elakkan secara nyata atau secara tersirat bersetuju untuk tidak melanggani pembekal atau pelanggan tertentu, tanpa mengira sama ada anda sedang berbincang dalam perniagaan, sosial atau konteks lain. Dalam senario ini, risiko boleh dielakkan dengan menyatakan bahawa BHP menilai dan mengambil keputusan mengenai para pembekal kami secara bebas. Sebagai alternatif, nyatakan bahawa anda tidak ingin membincangkan topik tersebut. Sekiranya pesaing itu masih berterusan, anda perlu mengundur diri dan melaporkan kejadian itu kepada EthicsPoint, penyelia, pasukan Pematuhan kami atau pasukan Perundangan.

**Q:** BHP telah bersetuju untuk mengambil bahagian dalam kajian yang memberi tumpuan kepada kemampuan dalam industri perlombongan dan sumber. Kajian ini diketuai oleh institut penyelidikan, dengan para pengeluar dan pelanggan lain turut mengambil bahagian. Sebagai sebahagian daripada kajian, BHP diminta untuk menyediakan beberapa data ramalan pengeluaran dan butiran gaji semasa untuk pihak kedua yang dicadangkan untuk projek. Bolehkah saya memberikan maklumat yang diminta?

**A:** Tidak. Bercakap dengan pasukan Pematuhan atau Undang-undang sebelum bertindak balas. Kajian ini melibatkan pihak ketiga yang bersaing dengan BHP dalam pengeluaran komoditi dan juga untuk pengambilan dan

pengkalan bakat. Pertukaran maklumat sensitif persaingan dengan pesaing, terutamanya maklumat yang berpandangan ke hadapan seperti ramalan pengeluaran atau maklumat semasa mengenai gaji dan faedah, akan melanggar undang-undang persaingan di banyak negara. Walau bagaimanapun, pihak berkuasa menyedari bahawa pertukaran maklumat boleh memberi manfaat dan mempunyai kesan persaingan profesional apabila diuruskan dengan betul. Jika anda sedang mempertimbangkan untuk menjalankan atau menyumbang kepada kajian yang melibatkan maklumat persaingan yang sensitif, anda mesti terlebih dahulu bercakap dengan pasukan Pematuhan atau Undang-undang.

### Menghormati undang-undang kawalan perdagangan

**Q:** Pasukan saya sedang mencari pembekal kargo maritim baharu untuk mengangkut kargo spot dari negara-negara yang berlainan. Pembekal tidak diperbadankan di negara yang terjejas oleh sekatan perdagangan yang menyeluruh, dan juga negara asal atau destinasi tidak dikenakan sekatan. Bolehkah saya tidak mengendahkan tentang prosedur saringan sekatan dalam keadaan ini?

**A:** Tidak. Sekatan boleh dikenakan terhadap individu, entiti dan kapal yang merupakan warganegara negara yang tidak terjejas oleh sekatan menyeluruh (seluruh negara/wilayah). Sekatan juga boleh dikenakan dalam pelbagai keadaan termasuk berhubung dengan pihak yang akhirnya menggunakan kargo (pengguna akhir) atau bagaimana kargo akhirnya akan digunakan (penggunaan akhir). Oleh itu, adalah penting bahawa prosedur saringan sekatan BHP sentiasa dipatuhi. Dalam keadaan tertentu ini, adalah penting untuk mengambil perhatian bahawa pembekal perkhidmatan pengangkutan maritim yang telah memudahkan transaksi dengan Iran dan Korea Utara telah menjadi sasaran sekatan tertentu.



# Senario Hipotesis Kod Kami

diteruskan

## 3. Beroperasi dengan integriti



**Q:** Saya terlibat dalam reka bentuk kejuruteraan untuk projek pembangunan di Chile dan saya bermingat membeli dron dari Amerika Syarikat untuk menjalankan ujian di tapak syarikat. Saya juga telah menerima dokumen dari pembekal dari Perancis untuk saya tandatangani bagi mengesahkan bahawa BHP akan mematuhi keperluan kawalan eksport berikutnya penerimaan satu alat ganti. Apa yang perlu saya lakukan?

**A:** Rejim kawalan eksport Amerika Syarikat adalah menjangkau luas dan jauh. Adalah perlu untuk menentukan klasifikasi eksport dron untuk menilai sebarang keperluan pelesenan dan kewajipan pematuhan yang berterusan sebelum bersetuju untuk membeli dron tersebut. Begitu juga, pihak pensijilan kawalan eksport Perancis boleh memberi komitmen kepada BHP untuk kewajipan berterusan yang signifikan (termasuk, berkemungkinan, sekatan untuk memindahkan atau mengeksport semula item yang dipersoalkan). Anda mestи memahami kandungan dokumen yang anda tandatangani di atas permintaan pembekal. Dalam kedua-dua keadaan, anda mestи menghubungi Etika dan Pematuhan untuk mendapatkan kelulusan dan lesen yang diperlukan sebelum meneruskan urus niaga.

**Q:** Salah seorang rakan sekerja saya telah bertanya sama ada saya boleh berkongsi manual teknikal yang berkaitan dengan peralatan automatik baru dengan mereka. Rakan sekerja saya di Chile dan saya di Australia. Saya mempunyai salinan manual yang disimpan ke komputer saya jadi bolehkah saya menghantarnya terus kepada mereka melalui e-mel?

**A:** Ada kemungkinan bahawa manual ini mengandungi maklumat teknikal yang mungkin dikawal untuk tujuan eksport. Sebelum menghantar e-mel kepada rakan sekerja di negara lain, sahkan manual tidak dikawal untuk dieksport ke negara tersebut. Ini mungkin ditunjukkan oleh legenda kawalan eksport atau penandaan pada dokumen. Jika anda tidak pasti jika atau bagaimana dokumen itu dikawal, sila rujuk piawaian **Keperluan Kami untuk Kelakuan Perniagaan** untuk panduan awal sama ada item yang anda ingin hantar melalui e-mel boleh tertakluk kepada kawalan atau hubungi pasukan Pematuhan sebelum menghantar maklumat kepada rakan sekerja anda.

**Q:** Saya bekerja dengan pembekal baru yang mahu subkontrak sebahagian daripada kerja kepada syarikat lain. Pembekal enggan memberikan nama syarikat atau memberitahu saya di mana lokasinya. Adakah ini satu masalah?

**A:** Ia mungkin satu bendera merah kawalan perdagangan. Kita harus mengetahui identiti mereka yang menyediakan barang dan perkhidmatan kepada kita, secara langsung atau tidak langsung, dan harus dapat mengesahkan jika mereka disekat, dianjurkan di bawah undang-undang, atau beroperasi dari bidang kuasa yang disekat atau menggunakan barang atau perkhidmatan negara yang disekat dalam apa yang mereka bekalkan. Cuba dapatkan maklumat lanjut, ikuti proses yang diperlukan dan berunding dengan pasukan Pematuhan sebelum meneruskan proses.

**Q:** Saya menjawab tender dan telah diminta mengesahkan kami tidak akan menggunakan mana-mana senarai terhad, pihak yang disekat atau diboykot dalam menyediakan barang atau perkhidmatan. Bolehkah saya mengesahkan ini?

**A:** Anda perlu segera menghubungi pasukan Pematuhan untuk mendapatkan panduan mengenai cara menangani peruntukan ini. Permintaan ini mungkin dilarang/dihukum oleh undang-undang anti-boikot dan mungkin boleh dilaporkan kepada pemerintah Amerika Syarikat.

## 4. Lindungi Syarikat kami

Jika anda bekerja untuk kami atau bagi pihak kami, anda mempunyai kewajipan untuk melindungi harta BHP dan menghormati hak harta intelek.



# Senario Hipotesis Kod Kami

diteruskan

## 4. Lindungi syarikat kami



### Lindungi aset kami

**Q:** Baru-baru ini pasukan saya menukar aplikasi pemantauan prestasi kepada aplikasi yang baru. Tiada siapa yang menggunakan sistem lama tersebut. Bolehkah saya memadam data dalam sistem lama?

**A:** Data sejarah adalah aset. Jadual pengekalan dan pelupusan data dalam Katalog Data BHP perlu dirujuk sebelum memadam data.

**Q:** Semasa di tempat kerja, rakan sekerta saya meminta saya untuk melakukan pembaikan kecil di atas kenderaan peribadinya supaya dia dapat pulang ke

rumah dengan selamat. Memandangkan ia adalah pekerjaan kecil, ia tidak akan mengambil masa yang lama untuk melaksanakannya, dan kami tidak sibuk hari ini - adakah dibenarkan jika saya menggunakan alat kerja saya?

**A:** Adalah tidak sesuai untuk menggunakan harta, alat atau peralatan BHP untuk kegunaan peribadi walau secepat mana kerja tersebut boleh disiapkan. Peralatan syarikat hanya patut digunakan untuk memperbaiki kelengkapan BHP dan untuk tujuan kerja. Jika anda bimbang tentang keselamatan kenderaan rakan sekerta anda, sila berurusan dengannya sebagaimana anda menghadapi sebarang masalah keselamatan lain tetapi adalah tidak dibenarkan untuk melakukan pembaikan-pulih menggunakan harta BHP.

**Q:** Saya bekerja sebagai Pembantu Tadbir dan kadang-kadang penyelia saya meminta saya untuk melakukan kerja untuk perniagaan peribadinya semasa waktu kerja. Saya tidak mahu mempersoalkan penyelia saya atau ketua 2Up, atau menjadi masalah, tetapi saya juga tidak mahu melakukan apa-apa yang salah. Apa yang patut saya lakukan?

**A:** Anda tidak boleh diminta untuk mengendalikan urusan perniagaan peribadi atau menggunakan harta BHP, termasuk sistem Teknologi, untuk tujuan ini. Aset-aset BHP, sistem maklumat dan sumber komunikasi hanya boleh digunakan untuk tujuan urusan pekerjaan BHP. Anda perlu berbincang dengan pasukan Etika dan Penyiasatan, pasukan Undang-undang atau hubungi EthicsPoint.

# Senario Hipotesis Kod Kami

diteruskan

## 4. Lindungi syarikat kami

### Lindungi teknologi, sistem dan data kami

**Q:** Seorang rakan BHP ingin mengelakkan caj perayauan data semasa perjalanan urusan pekerjaan, dan telah meminta saya memuat turun aplikasi yang akan membolehkan kami berkomunikasi dengan percuma. Apa yang patut saya lakukan?

**A:** Segala komunikasi BHP adalah tertakluk kepada keperluan undang-undang dan peraturan. Anda mesti menggunakan aplikasi BHP yang diluluskan untuk berkomunikasi dan menjalankan perniagaan syarikat. Wakil Teknologi anda boleh membantu anda memasang aplikasi yang diluluskan. Semak dasar Media Sosial kita untuk maklumat terkini.

**Q:** Setelah mendaftar ke pelbagai laman web media sosial dan kerjaya, saya sering diminta untuk memberikan alamat e-mel. Lebih mudah bagi saya untuk menggunakan alamat e-mel BHP saya. Patukkah saya menggunakan alamat ini?

**A:** Alamat e-mel BHP anda tidak boleh digunakan untuk tujuan peribadi. Walaupun ianya satu kemudahan, alamat e-mel ini hanya boleh digunakan untuk urusan yang berkaitan dengan pekerjaan. Oleh kerana kami tidak mempunyai kawalan ke atas laman web lain, kemungkinan alamat e-mel anda akan dicuri atau dibocorkan, membahayakan privasi dan kehidupan rumah anda, dan jenama, teknologi, sistem dan data BHP.

### Lindungi harta intelek kami

**Q:** Saya merancang untuk bekerja dari rumah pada hujung minggu pada dokumen penting tetapi tidak mahu membawa komputer riba saya ke rumah. Bolehkah saya menghantar dokumen tersebut ke e-mel peribadi saya dan kemudian menyelesaikannya di rumah menggunakan komputer peribadi saya?

**A:** Data atau harta intelek BHP perlu sentiasa dilindungi dengan menyimpan atau berkongsi atau menerbitkan menggunakan lokasi dan aplikasi yang diluluskan BHP, termasuk ketika bekerja dari rumah. Anda tidak boleh memindahkan, menyiaran, mengeluarkan atau memadam data BHP atau harta intelektual tanpa kebenaran dari penyelia anda.

**Q:** Apabila saya meninggalkan BHP bolehkah saya mengambil pulang sebarang kerja saya?

**A:** Secara lazimnya, apa-apa kerja yang anda lakukan yang berkaitan dengan perniagaan atau operasi BHP dimiliki oleh BHP dan tidak boleh digunakan di luar syarikat. Mungkin terdapat situasi yang terhad dimana BHP akan membenarkan anda menggunakan produk kerja anda, tetapi hanya dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu dan selepas mana-mana maklumat BHP telah dipadamkan. Sila bincangkan perkara ini dengan penyelia anda atau ketua 2Up sebelum meninggalkan BHP.



**Q:** Pengilang peralatan asal (OEM) telah menyediakan alat ganti untuk beberapa peralatan pada harga yang tinggi. Saya telah berurusan dengan pengeluar kos rendah dan berpendapat mereka boleh membuat alat ganti ini pada harga yang jauh lebih rendah. Bolehkah saya memberikan contoh kepada pengeluar kos rendah dan meminta mereka membuat alat-alat ganti ini untuk kita?

**A:** Melibatkan pihak ketiga untuk menyalin, membuat atau membekalkan alat ganti ini boleh melibatkan risiko seperti pelanggaran hak cipta, paten atau reka bentuk berdaftar, atau pelanggaran keyakinan atau kewajiban kontrak. Walaupun kita harus sentiasa berusaha untuk mendapatkan alat ganti pada harga terbaik yang mungkin, kita juga perlu menghormati mana-mana IP OEM yang mungkin ada.

## 5. Melindungi dan menghormati maklumat

Sebagai syarikat awam yang tersenarai, kita perlu mematuhi peraturan mengenai perkongsian maklumat.



# Senario Hipotesis Kod Kami

diteruskan

## 5. Lindungi dan hormati maklumat

### Berkomunikasi secara konsisten dan benar

**Q:** Saya melihat komen di Facebook tentang sesuatu yang saya tahu tidak tepat berlaku di tapak lokasi. Bolehkah saya membetulkan kenyataan tersebut?

**A:** Sekiranya anda memilih untuk menyumbang kepada perbincangan, anda hanya patut menyebut maklumat yang telah dikongsi secara umum. Adalah wajar untuk bercakap tentang tempat kerja anda, tetapi berhati-hatilah untuk tidak mendedahkan maklumat sulit apabila anda melakukannya. Jika anda tidak pasti, sila berbincang dengan penyelia anda terlebih dahulu.

**Q:** Saya telah mengambil satu gambar hebat rakan sepasukan berlatar belakangkan tapak lombong terbuka. Mereka berpakaian penuh PPE (pakaian pelindung diri) Boleh saya muat naik ke Facebook?

**A:** Setiap tapak lokasi mempunyai peraturan sendiri di sekitar fotografi dan anda harus menyemak dengan penyelia anda pada peraturan tapak lokasi anda. Anda juga harus mengesahkan dengan rakan sepasukan anda sama ada mereka setuju untuk gambar mereka dikongsikan di media sosial.

### Hormati maklumat peribadi dan privasi

**Q:** Saya mengesyaki butiran gaji pekerja mungkin telah tersilap dikongsi dengan penerima yang salah. Perlukah saya menunggu sehingga mereka mengesahkan bahawa mereka telah menerima data untuk melaporkan kemungkinan pelanggaran?

**A:** Tidak, anda mestilah segera melaporkan semua pelanggaran data yang disyaki dan disahkan kepada penyelia anda dan [cybersecurity@bhp.com](mailto:cybersecurity@bhp.com).

**Q:** Saya telah menukar alamat dan nombor telefon saya baru-baru ini, tetapi tidak memaklumkan sesiapa di BHP. Adakah ini satu masalah?

**A:** BHP dikehendaki oleh undang-undang untuk memastikan maklumat peribadi anda tepat dan terkini untuk memastikan anda atau keluarga terdekat anda dapat dihubungi sekiranya berlaku kecemasan. Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk memaklumkan kepada kami sebarang perubahan kepada maklumat peribadi anda secepat mungkin. Anda boleh melakukan ini dalam talian (melalui Digital Workspace) atau dengan memberikan maklumat kepada penyelia anda atau ketua 2Up.

**Q:** Saya telah diminta untuk membuat laporan yang melibatkan butiran gaji individu di tapak lokasi. Apakah syarat-syarat yang perlu saya ketahui semasa menyimpan dan berkongsi laporan ini?

**A:** Anda perlu pastikan:

- hanya jumlah minimum data yang diperlukan untuk laporan dikumpul dan digunakan
- laporan disimpan dengan selamat dan hak akses yang betul diberikan untuk menghalang kakitangan yang tidak dibenarkan daripada mengakses laporan
- fail dilindungi kata laluan atau disulitkan sebelum dikongsi dengan orang lain.

**Q:** Semasa melibatkan diri dengan calon berpotensi untuk jawatan yang akan datang, mereka membincangkan maklumat sensitif mengenai keadaan perubatan yang sedia ada. Bolehkah saya menyimpan rekod terperinci tentang semua yang telah dikongsi oleh calon dengan saya?



**A:** Tidak. Anda mestilah terlebih dahulu mempertimbangkan sama ada perlu untuk anda merekodkan semua maklumat ini, kerana ia mungkin tidak perlu untuk tujuan perniagaan BHP yang sah dan calon mungkin tidak berhasrat untuk BHP untuk mencatatnya. Anda juga mestilah mempertimbangkan sama ada calon telah dimaklumkan tentang Dasar Privasi (yang menjelaskan jenis maklumat yang BHP kumpulkan dan mengapa ianya dikumpul), dan telah memberikan persetujuan mereka terhadap pengumpulan maklumat sensitif mereka (termasuk maklumat kesihatan mereka).

# Senario Hipotesis Kod Kami

diteruskan

## 5. Lindungi dan hormati maklumat

### Laporkan dengan jujur

**Q:** Semasa syif terakhir saya, kenderaan saya bertembung dengan kenderaan lain semasa memblok di selekoh. Kami berdua bertindak balas dengan cepat, tidak ada kerosakan ke atas mananya kenderaan dan kami tidak cedera. Adakah kami perlu meluangkan masa dari kerja kami untuk mengisi kertas kerja dan melaporkannya walaupun tiada apa-apa yang berlaku?

**A:** Kita semua mempunyai kewajipan untuk melaporkan semua kermalangan dan insiden nyaris berlaku. Walaupun pada waktu ini tiada siapa yang cedera, ia mungkin boleh menjadi lebih serius pada lain kali. Adalah penting bahawa semua insiden nyaris berlaku dilaporkan supaya mereka boleh disiasat dengan betul dan langkah-langkah keselamatan boleh disediakan untuk mencegah insiden yang lebih serius.

**Q:** Semasa pemantauan alam sekitar di pusingan yang lepas terdapat beberapa hasil yang luar biasa. Saya perhatikan bahawa beberapa sampel individu melebihi had yang ditetapkan oleh operasi kami. Saya rasa kelainan ini mungkin terjadi kali ini sahaja. Adakah saya perlu mengisi dokumen dan melaporkan kelainan ini pada pemantauan seterusnya?

**A:** Ya. Walaupun dalam keadaan ini hanya terdapat beberapa hasil yang luar biasa, adalah penting bahawa proses pelaporan diikuti untuk memastikan bahawa sebarang isu yang berpotensi dikenal pasti dan boleh disiasat dengan sewajarnya, sebarang langkah yang diperlukan disediakan dan individu yang berkaitan boleh menentukan jika terdapat keperluan untuk pelaporan luaran.



**Q:** Saya bertanggungjawab untuk meluluskan laporan perbelanjaan untuk pasukan saya. Saya mempunyai enam pekerja bawahan langsung dan beberapa bulan ini saya tidak mempunyai masa untuk menyemak untuk memastikan saya menerima resit tetapi saya mempercayai pasukan saya. Adakah saya perlu menyemak setiap resit?

**A:** Sebagai penyelia, anda mempunyai tugas tambahan untuk menjadi contoh yang positif yang ketara. Setiap kali anda meluluskan apa-apa dalam sistem - sama ada laporan perbelanjaan, kunci kemasukan perkhidmatan, resit barang atau sebaliknya - adalah penting bahawa anda mengesahkan bahawa setiap transaksi adalah wajar. Ia tidak mengurangkan kepercayaan yang ada dalam pasukan anda tetapi ianya satu keperluan bahawa kita mempunyai resit untuk semua perbelanjaan kita. Anda perlu menyemak bahawa segala perbelanjaan

adalah berkaitan dengan kerja dan salinan semua resit telah dilampirkan.

**Q:** Saya telah diminta untuk memberikan maklumat terkini secara bertulis mengenai kemajuan salah satu inisiatif penambahbaikan utama pasukan kami. Kami ketinggalan jadual tetapi saya tahu kami boleh mengejar dalam satu atau dua bulan akan datang. Adakah saya perlu secara khusus mengatakan kita berada di belakang jadual?

**A:** Semua laporan yang kami lakukan di seluruh organisasi haruslah berasaskan fakta dan tidak memberi gambaran bahawa kerja telah selesai apabila ia tidak selesai, walaupun terdapat keyakinan yang kuat bahawa kerja akan selesai tidak lama lagi.

# Senario Hipotesis Kod Kami

diteruskan

## 5. Lindungi dan hormati maklumat



### Jangan terlibat dalam perdagangan orang dalam

**Q:** Saya sebahagian daripada pasukan Perancangan Kesinambungan Perniagaan BHP Dalaman dan baru sahaja dimaklumkan bahawa disebabkan oleh peristiwa tapak lombong yang penting, salah satu aset pengeluaran utama kami akan ditutup. Maklumat ini masih belum didedahkan kepada umum, tetapi apabila ia didedahkan, harga komoditi dijangka akan naik. Bolehkah saya menggunakan maklumat ini untuk berdagang derivatif komoditi atau membeli saham

dalam pengeluar yang bersaing dengan jangkaan harga saham mereka akan naik?

**A:** Ini mungkin maklumat rahsia mengenai BHP yang mungkin juga maklumat dalaman yang tidak boleh didapati secara umum kepada orang ramai pada waktu ini. Berdasarkan keperluan piawaian **Keperluan Kami untuk Urus Niaga Sekuriti**, melainkan dibenarkan untuk berbuat demikian, anda tidak boleh melakukan transaksi dalam komoditi fizikal, terbitan komoditi atau sekuriti BHP atau syarikat lain yang harganya mungkin terjejas setelah

maklumat tersedia untuk umum. Jika berbuat demikian, anda akan melanggar piawaian Keperluan Kami untuk Urus Niaga Sekuriti atau undang-undang perdagangan orang dalam. Begitu juga, jika anda memberitahu rakan anda dan mereka menggunakan maklumat ini untuk berurus dalam BHP atau sekuriti syarikat lain, rakan anda juga mungkin bertanggungjawab kerana melanggar undang-undang perdagangan orang dalam.

**Q:** Saya seorang juruteknik penyelenggaraan dan telah mendengar daripada seorang rakan di Ibu Pejabat bahawa keputusan setengah tahun kami akan berada di bawah jangkaan pasaran. Saya telah berfikir untuk menjual beberapa saham BHP saya untuk membantu membiayai pengubahsuaian rumah dan ia seolah-olah peluang yang baik untuk menjual sebelum keputusan setengah tahun diumumkan. Adakah wajar untuk menjual saham saya?

**A:** Ini mungkin maklumat rahsia mengenai BHP yang mungkin juga maklumat dalaman yang tidak boleh didapati secara umum kepada orang ramai pada waktu ini. Berdasarkan keperluan piawaian **Keperluan Kami untuk Urus Niaga Sekuriti**, anda tidak boleh berurus niaga dalam sekuriti BHP atau syarikat lain yang harga sekuritinya mungkin terjejas setelah maklumat sudah tersedia untuk umum. Untuk berbuat demikian akan melanggar piawaian untuk Keperluan Kami untuk Urus Niaga Sekuriti atau undang-undang perdagangan orang dalam. Begitu juga, jika anda memberitahu rakan anda dan mereka menggunakan maklumat ini untuk berurus dalam BHP atau sekuriti syarikat lain, rakan anda juga mungkin bertanggungjawab kerana melanggar undang-undang perdagangan orang dalam.

# Senario Hipotesis Kod Kami

diteruskan

## 5. Lindungi dan hormati maklumat


**Q:** Saya mendengar penyelia saya bercakap tentang BHP yang berpotensi menjual salah satu tapak lombong besar di luar negara. Saya belum melihat berita ini atau terdengar sesiapa yang membincangkannya di tapak kerja saya. Bolehkah saya memberitahu rakan saya yang juga bekerja di BHP?

**A:** Ini mungkin maklumat rahsia mengenai BHP yang mungkin juga maklumat dalaman yang tidak tersedia secara umum kepada orang ramai. Jika anda memberitahu rakan anda dan mereka menggunakan maklumat ini untuk berurusan dengan BHP Security, anda dan rakan sekutu anda mungkin bertanggungjawab kerana melanggar **Keperluan Kita untuk Urus Niaga Sekuriti** atau undang-undang dagangan orang dalam.

**Q:** Saya diberitahu bahawa saya berada di Senarai Urusan Sekuriti Terhad dan saya kurang pasti jika saya menerima e-mel memberitahu saya bahawa saya tidak lagi berada dalam senarai ini. Saya ingin menjual beberapa saham yang saya miliki. Perluakah saya menyemak dengan seseorang sebelum saya menjual saham saya?

**A:** Sekiranya anda berada di Senarai Urusan Sekuriti Terhad, anda mesti mendapatkan penjelasan sebelum menjual saham anda. Anda tidak akan diberikan pelepasan untuk berurusan dengan sekuriti BHP semasa tempoh tertutup. Ini merupakan tempoh dari akhir tahun kewangan BHP hingga penerbitan pengumuman laporan tahun penuh BHP, dan penghujung separuh tahun BHP untuk penerbitan keputusan setengah tahun BHP.

Sekiranya anda tidak berada dalam Senarai Urusan Sekuriti Terhad, maka anda tidak akan memerlukan pelepasan sebelum menjual saham anda. Walau bagaimanapun, larangan umum mengenai perdagangan dalaman masih relevan, dan jika anda mempunyai maklumat dalaman, anda tidak harus berurusan.



# BHP